

21 JUN 2002

Mahathir-Air/I

TIADA BANTAHAN JIKA SINGAPURA TIDAK MAHU BELI AIR, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Malaysia tiada bantahan sekiranya Singapura memutuskan untuk tidak membeli air dari negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Tidak kisahlah (jika Singapura memutuskan untuk tidak membeli air dari Malaysia), kita tiada bantahan. Jika mereka tidak mahu beli air kita, tidak ada masalah, kita akan ambil alih semua loji rawatan air dan kita akan bayar pampasan," katanya.

Beliau berkata tiada masalah sekiranya Singapura tidak mahu meneruskan membeli sumber penting itu dari Malaysia, kerana negara juga memerlukan air di masa depan.

"Ini adalah kerana kita perlukan air untuk diri kita sendiri, secara jujur akan tiba masanya (apabila) Johor (negeri Malaysia yang berjiran dengan Singapura) akan mengalami kekurangan air... kita perlukan air itu untuk diri sendiri," katanya pada akhir sesi hari kedua Perhimpunan Agung Umno di sini.

Pegawai Malaysia dan Singapura dijadual mengadakan perjumpaan di Kuala Lumpur pada 1 Julai bagi perbincangan dua hala dan isu air dijangka akan diputuskan pada perjumpaan itu.

Malaysia mahukan harga lebih tinggi bagi air yang dijual kepada Singapura, sejak tiga puluh tahun lepas, dan telah beberapa kali membuat rujukan kepada harga air yang dijual oleh China kepada Hong Kong.

China menjual airnya kepada Hong Kong dengan harga RM8 bagi setiap 1,000 gelen dan Malaysia mahukan harga lebih tinggi bagi air yang dijual kepada Singapura daripada harga sedia ada iaitu 3 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Ditanya mengenai hujah Singapura pada masa lepas ialah bahawa China menjual air yang dirawat kepada Hong Kong manakala Malaysia hanya menjual air mentah, Dr Mahathir berkata Malaysia bersedia menjual air yang telah dirawat kepada Singapura pada harga RM8 setiap gelen.

"Pada pengetahuan saya mereka (China) membekalkan air mentah tetapi sekiranya ia adalah air yang telah dirawat pada kadar RM8 (setiap 1,000 gelen) kita bersedia menjualnya pada harga yang sama jika mereka mahu membelinya.

"Kos operasi (untuk merawat air mentah ialah RM1.20 (setiap 1,000 gelen) jadi paling mahal pun kosnya bagi kita ialah RM1.20 dan kita bersedia menjual pada harga RM8," kata presiden Umno itu.

Mengenai panggilan telefon beliau kepada Presiden Pakistan Jen Pervez Musharraf dan Perdana Menteri India, Atal Behari Vajpayee baru-baru ini, Dr Mahathir ia menunjukkan bahawa ada orang mahu beliau campur tangan bagi meredakan ketegangan di antara kedua-dua negara.

"Jelas ada orang yang mahu saya campur tangan dan apa yang mereka lakukan ialah dengan memberitahu Presiden Musharraf yang saya mahu bercakap dengan beliau dan kemudian memberitahu saya pula yang Presiden Musharraf mahu bercakap dengan saya.

"Perkara yang sama berlaku dengan Perdana Menteri India. Saya diberitahu yang beliau mahu bercakap dengan saya dan apabila saya bercakap dengan beliau, beliau memberitahu saya yang beliau ingatkan saya yang mahu bercakap dengan beliau," katanya.

Dr Mahathir berkata ada orang yang "mahu saya terlibat tetapi saya tidak komited terhadap apa-apa."

Malaysia telah menyatakan pendiriannya bahawa ia menentang semua bentuk

keganasan sama ada ia merentasi sempadan atau tidak.

"Kita mengecam semua bentuk keganasan sama ada merentas sempadan ataupun tidak dan kita juga mengatakan bahawa kita perlu melihat puncanya dan jika kita tidak melihat punca dan menghapuskan punca itu maka akan berlaku keganasan.

"Sudah tentu anda boleh menuduh pembabitatan negara (dalam keganasan) sebagai contoh Israel yang ternyata terbabit (dalam keganasan), Pakistan menafikan pembabitannya...bukan tugas saya untuk menghakiminya, kenyataannya ialah terdapat punca di sana...ada orang meletupkan diri kerana mereka marah terhadap sesuatu jadi kita perlu mencari puncanya dan menghapuskannya kerana jika tidak bagaimana kita dapat menghentikan keganasan?" tambahnya.

-- BERNAMA

SR ZS MOZ